

PENDEKATAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MENERUSI PEMETAAN METAFORA KONSEPSI DALAM PENULISAN BAHAGIAN PENDAHULUAN KARANGAN BAHASA MELAYU

Sharwinthiran Thavarajahⁱ & Anida Sarudinⁱⁱ

ⁱ(*Pengarang Bersama*). Universiti Pendidikan Sultan Idris. sharwinthiranthavarajahst@gmail.com

ⁱⁱProf.Madya Dr., Universiti Pendidikan Sultan Idris. anida@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Kemahiran berfikir merupakan salah satu aspirasi murid yang sangat penting untuk melahirkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21. Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu amat dititikberatkan, terutamanya dalam penulisan karangan. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menerusi pendekatan Metafora Konsepsi diperkenalkan bagi meneliti idea dalam penulisan bahagian pendahuluan karangan bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar tingkatan lima. Kajian ini menggunakan pendekatan Metafora Konsepsi menerusi teori Semantik Kognitif yang diperkenalkan oleh George Lakoff & Mark Johnson (1980). Teori ini menggagaskan proses pemetaan yang abstrak kepada konkrit menerusi Metafora Konsepsi di samping mewajarkan proses metonimi yang terhasil menerusi pemetaan Metafora Konsepsi tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Seramai tiga orang pelajar yang dipilih secara persampelan bertujuan untuk terlibat dalam kajian ini bagi menilai bahagian pendahuluan hasil karangan mereka berdasarkan kepada analisis elemen KBAT menerusi pendekatan Metafora Konsepsi. Instrumen senarai semak diaplikasikan sebagai metode analisis. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemetaan idea dalam penulisan pendahuluan karangan pelajar melibatkan pelbagai jenis Metafora Konsepsi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar telah membina idea pendahuluan dalam karangan jenis perbincangan dengan mengaitkan latar pengetahuan yang berhubung kait dengan pengalaman badaniah. Menerusi kajian ini, elemen KBAT yang menjadi inti pati penting dalam kurikulum negara dapat dihayati dari perspektif interdisiplin, iaitu dalam bidang Pendidikan dan bidang Semantik secara tidak langsung. Kajian berasaskan pendekatan Metafora Konsepsi bukan sahaja dapat membantu guru-guru dalam meneliti hubungan antara elemen KBAT dengan konteks kognitif pelajar, malahan dapat menjadi garis panduan bagi mengesan idea kreatif dan kritis dalam penulisan bahagian pendahuluan karangan bahasa Melayu.

Kata kunci: *KBAT, semantik kognitif, pendahuluan, metafora konsepsi, karangan*

1.0 PENGENALAN

Bahagian pendahuluan merupakan bahagian utama dalam penulisan karangan yang penting untuk diteliti. Tidak terkecuali bahawa skema penilaian penulisan juga penting bagi memastikan aspek KBAT juga diterapkan oleh para pelajar dalam penulisan mereka. Kozlow & Bellamy (2004) menyatakan bahawa aktiviti penulisan melibatkan aktiviti berfikir aras tinggi yang kompleks dan berbeza yang memerlukan imaginatif perasaan, tahap minda, cita rasa dan tahap kognitif penulis tersebut. Beyer (1988) pula menyatakan bahawa proses berfikir mempunyai hubungan yang rapat dengan kecenderungan dan kesanggupan seseorang untuk terlibat dalam aktiviti penulisan karangan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu yang baharu.

Rajendran (2014) menyatakan bahawa KBAT merupakan aras yang paling tinggi dalam hierarki proses pemikiran kognitif. Kemahiran ini bersesuaian dengan aras pemikiran pelajar dalam menghasilkan suatu bentuk penulisan yang mantap serta berkualiti. Penulisan karangan dapat membolehkan pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran serta nilai dalam kepelbagaian situasi yang wujud terutamanya bahagian permulaan sesuatu karangan iaitu bahagian pendahuluan yang menjadi titik tolak dalam penulisan sesebuah karangan. Kajian

berkaitan dengan aspek KBAT hanya dilaksanakan secara eksplisit menggunakan kepelbagaian kaedah pengajaran moden yang berfokuskan kepada penggunaan kepelbagaian peta pemikiran seperti I-Think dan I Mind Map yang lebih memberi pendedahan kepada bagaimana elemen KBAT dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kebanyakan kajian lepas yang berkaitan dengan aspek KBAT hanya bertumpukan kepada kajian dari segi aspek pedagogi, kepelbagaian genre karangan, KBAT dalam pemikiran ataupun penggunaan ungkapan indah.

Walaupun kajian-kajian berikut telah dilaksanakan, namun begitu kajian berkaitan dengan penerapan KBAT dalam penulisan karangan kurang dikupas menerusi aspek pemikiran semantik kognitif yang mengkonseptualisasikan pendekatan metafora konsepsi yang diperkenalkan oleh George Lakoff & Mark Johnson. Kajian ini dapat memberi satu gambaran baharu kepada para pembaca tentang kaedah penganalisisan sesebuah karangan, terutamanya dalam bahagian penulisan pendahuluan karangan bahasa Melayu yang dilihat menerusi teori semantik kognitif berteraskan kepada pemetaan metafora konsepsi sepertimana yang telah digagaskan oleh George Lakoff & Mark Johnson (1980). Selaras dengan kepentingan elemen KBAT dalam konteks pendidikan, maka KBAT perlu dihayati dari perspektif interdisiplin, iaitu pendidikan dan semantik. Hal ini demikian kerana penulisan karangan para pelajar memperlihatkan penjanaan idea yang tinggi dan perlu dikaji serta dianalisis dari perspektif semantik menerusi pendekatan metafora konsepsi itu sendiri. Bertitik tolak daripada kelompangan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, maka kajian ini akan menghasilkan satu strategi memahami KBAT menerusi pemetaan metafora konsepsi dalam penulisan bahagian pendahuluan karangan bahasa Melayu oleh para pelajar.

1.1 Objektif Kajian

- a) Mengenal pasti inventori KBAT menerusi pemetaan metafora konsepsi dalam pendahuluan karangan bahasa Melayu oleh para pelajar.
- b) Menganalisis idea KBAT dalam pendahuluan karangan bahasa Melayu dari perspektif semantik menerusi pendekatan metafora konsepsi dalam kalangan pelajar

1.2 Persoalan Kajian

- a) Apakah inventori KBAT yang dapat dihasilkan menerusi idea yang dihasilkan dalam bahagian pendahuluan karangan bahasa Melayu?
- b) Bagaimanakah idea KBAT yang disampaikan dalam pendahuluan karangan bahasa Melayu dapat diterjemahkan dari perspektif semantik menerusi pendekatan metafora konsepsi?

1.3 Kepentingan Kajian

- a) Dapat memberi pendedahan yang jelas tentang elemen KBAT yang dapat dikonsepsikan oleh pelajar dalam bahagian pendahuluan karangan bahasa Melayu.
- b) Dapat menganalisis idea dalam pendahuluan karangan Bahasa Melayu menerusi inventori KBAT yang dapat dihasilkan.
- c) Dapat mengaitkan perincian elemen KBAT dalam idea pendahuluan dari perspektif semantik menerusi pemetaan metafora konsepsi.

2.0 KONSEP TEORITIKAL

Metafora merujuk kepada suatu konsep yang abstrak dan tidak dilihat di alam nyata kerana ianya memerlukan penelitian dalam pemahaman melalui pemikiran dan pengalaman. Secara umumnya, metafora merujuk kepada penggunaan gaya bahasa yang indah dan menarik dalam penulisan atau pertuturan seharian sebagai cara untuk menginterpretasikan daya pemikiran yang kreatif ketika berbahasa. Newmark (1998) menyatakan bahawa metafora melibatkan ekspresi figuratif, perubahan makna perkataan, personifikasi sesuatu yang abstrak serta aplikasi perkataan atau kolokasi terhadap sesuatu yang bukan literal seperti menggambarkan sesuatu konsep dengan suatu konsep yang lain. Lakoff (1992) telah menggagaskan satu Model Kognitif

Unggul (Idealized Cognitive Model) yang menggariskan lima konseptual asas iaitu skema imej, metafora konsepsi, metonimi konsepsi, proposisi dan simbolik. Menurutnya, metafora boleh dikonsepsikan dalam pelbagai aspek seperti konsepsi emosi, peri laku, tutur kata, dan sebagainya di samping dapat menghasilkan satu rantau konsepsi.

Dengan kata lain, metafora konsepsi merujuk kepada satu bentuk mekanisme kognitif yang digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit (Ruzanna & Rozaimah, 2014). Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin (2017) pula menegaskan bahawa sistem metafora konsepsi lazim yang kebanyakannya berlaku tanpa disedari dan secara automatik serta digunakan dalam usaha yang tidak ketara sama seperti sistem linguistik dan sistem konsepsi yang lain. Sebagai contohnya, apabila kita berinteraksi dengan pengalaman, kebiasaannya kita akan cuba mengaitkan sesuatu dengan pengalaman kita. Dengan ini, lahirlah unsur metafora konsepsi yang mengatakan HIDUP UMPAMA KEHADIRAN yang menggambarkan bahawa kelahiran menandakan kehadiran atau kedatangan kita dalam keluarga kita di negara atau di dunia ini (Rusmadi, 2005).

Kovecses (2010) mendefinisikan metafora konsepsi sebagai “...*understanding one conceptual domain in terms of another conceptual domain*”. A convenient shorthand way of capturing this view metaphor the following. “CONCEPTUAL DOMAIN A IS CONCEPTUAL DOMAIN B”. Domain A merujuk kepada domain sasaran manakala domain B merujuk kepada domain sumber. Hal ini jelas membuktikan bahawa metafora konsepsi akan terhasil apabila melibatkan pemetaan dua domain yang melibatkan pemahaman terhadap entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Kajian saya untuk mengenal pasti pemetaan metafora konsepsi dengan berpandukan kepada prosedur pengenalan metafora ataupun lebih dikenali sebagai *Metaphor Identification Procedure (MIP)* seperti yang telah diperkenalkan oleh Pragglejaz Group (2007). Menurutnya, tatacara pengenalpastian ekspresi metafora adalah meliputi tiga aspek yang utama iaitu pertamanya adalah membaca dan memahami keseluruhan wacana untuk membuat satu generalisasi umum terhadap maklumat yang telah disampaikan. Kedua adalah mengenal pasti unit leksikal dalam wacana tersebut dan ketiga adalah bagi setiap unit leksikal, tentukan sama ada ianya mempunyai maksud kontemporari yang lebih asas dalam konteks lain berbanding dengan konteks sedia ada. Makna asas meliputi aspek yang bersifat lebih konkrit (berdasarkan kepada apa yang boleh dilihat, didengari, dirasai serta dapat divisualisasikan, disamping berkait dengan tindakan manusia itu sendiri).

Lakoff & Johnson (1980) membahagikan teori metafora konsepsi kepada tiga jenis yang utama iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Metafora orientasi ialah peluasan makna atau konsep orientasi seperti DALAM-LUAR, ATAS-BAWAH, HADAPAN-BELAKANG kepada mandala bukan ruang. Metafora ontologi merupakan pengkonseptualisasian benda yang abstrak (emosi, idea yang abstrak, fenomena persekitaran dan menjadikannya seperti benda (biasanya entiti, benda konkrit dan tempat). Metafora struktural pula mengambil item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup kita sebagai sumber mandala untuk kita memahami sesuatu konsep yang lain (Rosmadi, 2005).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen, di mana sebanyak 3 sampel karangan pelajar tingkatan lima telah dipilih untuk menganalisis inventori KBAT dalam bahagian pendahuluan karangan berdasarkan kepada pendekatan metafora konsepsi. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah senarai semak KBAT. Senarai semak diorganisasikan berdasarkan kepada Teori Metafora Konsepsi (TMK). Analisis dilakukan secara berperingkat dengan mengenal pasti terlebih dahulu inventori KBAT dalam perenggan pendahuluan berdasarkan pemetaan metafora konsepsi. Seterusnya analisis inventori KBAT tersebut diperkukuhkan menerusi bukti daripada korpus DBP secara lebih

terperinci. Berikut dengan ini, analisis inventori dalam setiap sampel pendahuluan tersebut dikonsepsikan secara keseluruhan sama ada ianya berteraskan jenis metafora konsepsi orientasi, ontologi ataupun struktural.

4.0 ANALISIS DATA

Dalam bab ini, analisis dilakukan secara berperingkat iaitu menerusi jadual pemetaan metafora konsepsi, diikuti dengan analisis menerusi bukti korpus bahasa daripada DBP, seterusnya disesuaikan mengikut jenis metafora konsepsi yang dominan dalam ketiga-tiga sampel pendahuluan pelajar yang telah dianalisis.

Jadual 1. Pemetaan metafora konsepsi sampel pendahuluan 1

| AYAT | INVENTORI KBAT | INTI AYAT |
|------|---------------------------|---|
| 1 | Budaya Sosial | Sudah terang lagi bersuluh, dasawarsa ini amalan rumah terbuka kurang mendapat sambutan dalam masyarakat di negara kita khususnya generasi muda. |
| 2 | Tradisi | Masyarakat moden marcapada kurang cakna terhadap amalan rumah terbuka yang diwarisi secara turun-temurun oleh nenek moyang kita. |
| 3 | Penilaian Intrinsik | Hal ini demikian kerana mereka bersifat materialistik yang sibuk mencari kekayaan dan hanya mementingkan diri sendiri bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing. |
| 4 | Pengalaman Kendiri | Jika hal ini berlarutan lagi, kita terpaksa menghadapi banyak masalah mengenai keamanan dan perpaduan masyarakat. |
| 5 | Pandangan Rasional | Sebagai langkah efektif, kita boleh mengadakan rumah terbuka sebagai wadah penyatuan masyarakat berbilang kaum melalui perayaan-perayaan tertentu seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Deepavali, Hari Krismas, dan Tahun Baru Cina. |
| 6 | Elemen Manfaat/Kemakmuran | Sebagai memperkukuh lagi pernyataan masalah, kebaikan-kebaikan yang menunjangi isu ini perlu diperincikan demi kebaikan bersama. |

Berdasarkan kepada sampel karangan 1, analisis inventori KBAT telah dilakukan menerusi jadual pemetaan metafora konsepsi. Dalam analisis tersebut sebanyak enam inventori KBAT telah dikenal pasti daripada keseluruhan pendahuluan tersebut. Dalam ayat 1, frasa ‘...*amalan rumah terbuka*..’ dapat dikonsepsikan menerusi inventori KBAT ‘*budaya sosial*’. Hal ini jelas dibuktikan dalam bukti data korpus DBP menerusi ayat :

*‘...berikut ialah amalan pemakanan yang membantu mengembalikan bentuk badannya...’
(Fadzlena Jafar. Catherine paksa diri ramping lepas bersalin – 2001)*

Ayat tersebut menggambarkan perbuatan yang diperkukuhkan menerusi leksikal ‘amalan pemakanan’, di mana penulis menjelaskan amalan yang perlu dipraktikkan oleh seseorang bagi mendapat manfaat daripada sesuatu perkara. Konteks amalan dalam ayat di atas secara tidak langsung memberi kefahaman kepada pembaca bahawa sesuatu perbuatan sekiranya dipraktikkan dalam kehidupan seharian akan menjadi amalan kebiasaan selaras dengan konsep yang dijelaskan dalam ayat 1 menerusi frasa ‘amalan rumah terbuka’ yang seharusnya menjadi budaya sosial masyarakat Malaysia apabila menjelang musim perayaan. Dalam ayat 2 pula, frasa ‘...*diwarisi secara turun temurun*..’ dapat dikaitkan dengan inventori KBAT ‘tradisi’ seperti mana yang telah dibuktikan dalam korpus DBP menerusi ayat:

“masyarakat yang berbilang kaum dan agama, budaya tradisi ‘turun-temurun’ ini sewajarnya menjadi tunjang kukuh yang menaungi kehidupan.” (MUHAMMAD LUTFI ZAHID. Nyawa: Bird Gabungan Seni dan Sains. Umum, 2016)

Ayat tersebut membuktikan bahawa leksikal *'turun-temurun'* adalah berkait dengan amalan tradisi warisan oleh semua lapisan bangsa di negara kita selaras dengan kepelbagaian konteks masyarakat majmuk di negara kita. Bukti dalam korpus ini selaras dengan konteks frasa dalam ayat 2 yang menyatakan bahawa amalan rumah terbuka adalah suatu amalan sosial yang dipraktikkan dalam sesebuah institusi masyarakat tanpa mengira kaum sejak dahulu lagi dan memberikan gambaran yang jelas bahawa amalan rumah terbuka sememangnya menjadi tradisi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Suwardi Endraswara (2006), menyatakan bahawa budaya dipandang sebagai satu warisan tradisi dalam pelbagai lapisan masyarakat. Hal ini selaras dengan konteks inventori KBAT *'tradisi'* yang diperkukuhkan menerusi bukti korpus yang diperoleh amalan rumah terbuka sememangnya dikaitkan dengan tradisi turun-temurun.

Seterusnya dalam ayat 3, frasa *'...bersifat materialistik..'* dapat dilihat menerusi konteks inventori KBAT *'penilaian intrinsik'* iaitu lebih menuju kepada sifat dalaman seseorang individu. Hal ini jelas dibuktikan dalam korpus DBP menerusi ayat:

'... perlu dijelaskan ciri-ciri masyarakat yang bersifat individualistik, materialistik, rasionalistik dan sifat hedonistik amat bertentangan dengan ciri-ciri manusia...'. (Arbai'yah Mohd Noor & Mohd Hanafi Ibrahim, Raja Ali Haji Pemikir Ulung Alam Melayu Abad ke-19, Sejarah, 2015)

Dalam ayat di atas, dapat dibuktikan bahawa *'sifat materialistik'* merujuk kepada sifat dalaman yang bertentangan dengan nilai hidup manusia yang menyebabkan masyarakat kurang menitikberatkan amalan dan budaya sebaliknya lebih mementingkan kebendaan serta kekayaan dalam kehidupan seharian. Sifat ini seharusnya dielakkan dalam diri setiap individu sebaliknya lebih mementingkan perpaduan dan konsep ummah dalam kalangan masyarakat bagi menjamin kehidupan yang lebih bersosialisasi. Dengan ini, amalan rumah terbuka dapat dijadikan sebagai satu budaya dalam kehidupan bermasyarakat bagi mengelakkan kehidupan yang lebih bersifat introvert. diekpresikan dalam pelbagai situasi kehidupan secara tidak langsung.

Dalam ayat 4 pula frasa *'.. menghadapi banyak masalah..'* dapat dikenal pasti mempunyai inventori KBAT *'pengalaman sendiri'*, di mana sesuatu masalah yang dihadapi oleh seseorang dapat dikaitkan dengan pengalaman hidup manusia secara tidak langsung. Hal ini jelas terbukti menerusi bukti korpus bahasa DBP yang dapat dilihat dalam ayat:

'perkara ini dapat dilihat dengan berleluasanya pelbagai masalah seperti tidak amanah, kelalaian dan individu ketinggalan..'. (Nadzim Ahmad Jamalludin. Pemaju gagal siap projek ditegur. Nasional, 2001)

Dalam ayat berikut, dapat dilihat bahawa perkataan *'masalah'* sememangnya dirujuk kepada pengalaman negatif yang dihadapi oleh seseorang dalam kehidupan seharian diperkukuhkan menerusi leksikal *'tidak amanah, kelalaian dan individu ketinggalan komitmen'*. Kesemua leksikal tersebut jelas menggambarkan bahawa konteks masalah dapat disesuaikan dengan pengalaman interpersonal seseorang individu yang menyebabkan seseorang perlu berhadapan dengan pelbagai situasi sekiranya sesuatu perkara itu berlarutan. Dengan ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa jika sesuatu masalah itu berlarutan, maka kita perlu berhadapan dengan pelbagai situasi yang anjal.

Seterusnya dalam ayat 5, frasa *'..wadah penyatuan masyarakat..'* dapat dilihat menerusi inventori KBAT *'pandangan rasional'*. Kenyataan ini adalah bersesuaian dengan bukti korpus yang dapat dilihat dalam ayat:

'... bukan kerajaan NGO dan orang kenamaan kekal sebagai wadah mengeratkan hubungan silaturahim rakyat pelbagai kaum di negara ini..'(DEWAN BUDAYA JULAI 2001)

Ayat berikut telah menunjukkan bahawa 'wadah' merujuk kepada suatu pandangan umum ataupun kebiasaan dalam menyampaikan sesuatu perkara.

Akhirnya, dalam ayat ke-6, frasa '*kebaikan-kebaikan yang menunjangi isu ini.*' digeneralisasikan menerusi inventori KBAT 'elemen manfaat/kemakmuran' yang lebih difahami sebagai suatu bentuk kepentingan yang dapat dicapai menerusi suatu perkara ataupun langkah yang diambil. Hal ini dapat dibuktikan menerusi bukti korpus DBP dalam ayat:

'.. agama Islam dan nilai-nilai universal yang mengarah kepada kebaikan dan memberi manfaat yang selari dengan sunnah dan...'(Ibadat tanpa landasan akhlak hanya sia-sia. Undang-Undang, 2005)

Ayat berikut menunjukkan bahawa agama Islam dan nilai universal membawa kepada elemen manfaat yang selari dengan prinsip sunnah. Al-Sunnah dari sudut bahasa bermaksud jalan, kelakuan, tabiat, keadaan masa hidup, rupa, ketetapan dan kebiasaan (Ibn Man.z-ur, Lis-an al-'Arab : jil. 17,ms. 89; Ibn al-Ath-ir, al-Nih-ayat :jil. 02, ms. 409). Dengan ini, dapat kita lihat bahawa sesuatu amalan yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan manusia akan memberi banyak manfaat kepada seseorang individu jika ianya diamalkan secara berterusan. Amalan rumah terbuka akan membawa manfaat yang signifikan sekiranya diamalkan oleh setiap agama dan bangsa apabila menjelang musim perayaan. Secara keseluruhannya, analisis inventori KBAT yang dicapai menerusi pemetaan metafora konsepsi dalam sampel pendahuluan 1 jelas dapat dibuktikan menerusi bukti korpus bahasa yang diperoleh menerusi korpus DBP. Justeru, dapat dirumuskan bahawa keseluruhan ayat-ayat yang terdapat dalam sampel pendahuluan 1 dapat dikategorikan dalam jenis metafora struktural, di mana ' Rumah Terbuka Ibarat Sifat Keperibadian'. Hal ini demikian kerana konsep rumah terbuka dalam sampel pendahuluan 1 dijelaskan menerusi pengalaman hidup atau pandangan umum yang dikonseptualisasikan oleh pelajar tersebut. Pelajar tersebut banyak menggambarkan situasi kehidupan dengan amalan rumah terbuka yang menjadi norma kehidupan masyarakat.

Jadual 2. Pemetaan metafora konsepsi sampel pendahuluan 2

| AYAT | INVENTORI KBAT | INTI AYAT |
|------|----------------------|---|
| 1 | Lumrah kehidupan | Mutakhir ini, pelbagai perayaan telah diadakan saban tahun di negara kita |
| 2 | Budaya dan Tradisi | Memandangkan negara Malaysia ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama , terdapat pelbagai perayaan yang disambut oleh masyarakat Malaysia seperti Deepavali, Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Krismas. |
| 3 | Realiti Kehidupan | Setiap kali menjelang sambutan perayaan ini, segelintir masyarakat pasti akan mengadakan rumah terbuka. |
| 4 | Kesepakatan | Hal ini demikian kerana amalan rumah terbuka merupakan wadah bagi penyatuan kaum di negara kita. |
| 5 | Peneguhan positif | Seyogianya, masyarakat kini perlu menitikberatkan amalan ini kerana amalan rumah terbuka masih relevan untuk diadakan. |
| 6 | Manfaat kehidupan | Hal ini dapat mengelakkan generasi akan datang dangkal tentang kemaslahatan amalan rumah terbuka. |
| 7 | Jangkauan Masa Depan | Sebagai contoh, kita dapat membuka minda mereka bahawa amalan ini tidak membuang masa dan lapuk. |
| 8 | Kehidupan yang nyata | Realiti , rumah terbuka banyak memberikan kebaikan kepada masyarakat. |
| 9 | Respons terbuka | Persoalannya, apakah kepentingan-kepentingan yang dapat kita manfaatkan dengan menganjurkan rumah terbuka? |

Berdasarkan kepada sampel pendahuluan 2, sebanyak 9 inventori KBAT telah dikenal pasti bagi menjustifikasikan idea yang disampaikan oleh pelajar dalam penulisan bahagian

pendahuluan. Dalam ayat 1, frasa *‘..saban tahun..’* dapat digeneralisasikan menerusi inventori KBAT *‘lumrah kehidupan’*, di mana leksikal *‘saban tahun’* lebih difahami sebagai amalan berterusan dalam kehidupan seseorang yang dilalui dari semasa ke semasa. Hal ini dapat dibuktikan menerusi bukti korpus bahasa dalam ayat:

*‘..Tanggal 31 Ogos diabadikan saban tahun sebagai tarikh penuh bersejarah...’
(Zizou bawa kembali sinaran, Sukan, 2005)*

Ayat berikut jelas menunjukkan bahawa konteks *‘diabadikan saban tahun’* telah memberi gambaran kepada kita suatu perkara yang dilakukan secara berulang tahun boleh dikaitkan dengan lumrah kehidupan manusia menunjukkan bahawa sesuatu perkara yang sememangnya menjadi amalan hidup masyarakat yang perlu dihadapi oleh setiap individu apabila menjelang masanya. Leksikal *‘diabadikan’* boleh dikaitkan dengan lumrah kehidupan kerana sesuatu perkara yang dipupuk serta diabadikan sejak kecil lagi semestinya menjadi suatu kewajipan dalam konteks masyarakat bagi merealisasikan.

Dalam ayat 2 pula, frasa *‘..pelbagai agama dan bangsa..’* menggambarkan inventori KBAT *‘budaya dan tradisi’* kerana dapat dikaitkan dengan kepelbagaian agama dan bangsa di negara kita menunjukkan kekayaan budaya dan tradisi di negara kita secara tidak langsung. Hal ini jelas dilihat menerusi bukti korpus dalam ayat:

‘...mereka juga tahu menghormati budaya keturunan lain dengan memastikan makanan yang diberikan kepada...’ (Dr Saminah Samad. Sekolah Wawasan bantu mantap perpaduan. Surat Pembaca, 2000)

Menerusi ayat di atas, dapat kita lihat bahawa leksikal *‘budaya keturunan lain’* dapat dikaitkan dengan kepelbagaian agama dan bangsa mempunyai budaya dan tradisi masing-masing selaras dengan kepercayaan kaum masing-masing. Hal ini sememangnya dapat dikaitkan dengan konteks *‘rumah terbuka’* di mana ianya juga merupakan salah satu amalan yang dipraktikkan oleh setiap agama dan bangsa tanpa mengira kaum di negara kita yang mempunyai pelbagai lapisan masyarakat majmuk bagi mengukuhkan lagi konsep budaya dan kepelbagaian tradisi di negara kita dengan amalan kemasyarakatan.

Dalam ayat 3, frasa *‘..setiap kali menjelang sambutan..’* dapat digambarkan menerusi inventori KBAT *‘realiti kehidupan’*. Frasa *‘setiap kali’* menunjukkan bahawa ianya diamalkan secara berulang dalam kehidupan yang menjadi norma masyarakat apabila menjelang musim perayaan. Data korpus bahasa menunjukkan bahawa konteks *‘setiap kali menjelang perayaan’* dapat dilihat dalam ayat:

‘...pula tidak pernah melepaskan peluang beraya di kampung setiap kali menjelang perayaan Aidilfitri...’ (Talib Samat. Kehadiran Yang Dilupakan, Sastera. 1989)

Ayat di atas membuktikan kepada kita bahawa frasa *‘setiap kali menjelang’* menggambarkan norma kehidupan masyarakat yang diamalkan secara berterusan apabila menjelang musim perayaan, di mana amalan pulang beraya di kampung menjadi realiti yang semestinya diamalkan apabila menjelang musim perayaan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa leksikal *‘setiap kali menjelang’* itu menunjukkan kepada kita bahawa budaya pulang ke kampung pada musim perayaan menjadi rutin masyarakat pada setiap tahun sehingga menjadi realiti yang berlaku secara tidak dijangka dalam kehidupan bermasyarakat di negara kita.

Dalam ayat 4, terdapat frasa *‘..wadah bagi penyatuan kaum...’* dapat dikonsepsikan menerusi inventori KBAT yang merujuk kepada *‘kesepakatan’*, di mana elemen penyatuan

merujuk kepada kesepakatan ataupun permuafakatan dalam konteks ayat tersebut. Bukti korpus bahasa DBP dapat digambarkan menerusi ayat:

'... ini banyak pihak mulai sedar betapa pentingnya faktor penyatuan bangsa yang menjadi teras kekuatan sesebuah negara...' (Wan Emril Nizam Wan Embong. *Bangsa Melayu perlu pelopori format penyatuan bangsa. Surat Pembaca, 2001*)

Dalam konteks di atas, dapat kita lihat bahawa elemen penyatuan bangsa ataupun sesebuah komuniti sememangnya dikaitkan dengan konteks 'penyatuan kaum' yang membawa kepada elemen permuafakatan antara pelbagai lapisan bangsa di negara kita. Kesepakatan antara pelbagai kaum dapat menjadi satu medium kepada pelbagai aktiviti kemasyarakatan di negara kita agar dapat dilaksanakan dengan jayanya. Masyarakat yang bersatu padu dapat menjadi landasan utama kepada pengekaln kepelbagaian budaya dan tradisi di negara kita.

Berikutan dengan ayat 5 iaitu frasa *'..amalan terbuka masih relevan..'* dapat digeneralisasikan menerusi inventori KBAT yang dikatakan sebagai peneguhan positif, di mana adanya elemen penegasan secara positif dalam menjustifikasikan kepentingan amalan rumah terbuka adalah amat relevan untuk dilaksanakan. Data korpus juga telah diperoleh bagi memperkukuhkan lagi analisis pemetaan tersebut menerusi ayat:

'... peringkat akar umbi bagi menerangkan bahawa Umno masih relevan dan betapa pentingnya perjuangannya demi kepentingan agama, bangsa ...' (Kadir Dikoh. *Pemuda mahu tangguh debat. Nasional, 2001*)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa adanya elemen penegasan yang dikemukakan dalam menggambarkan situasi bahawa keterangan yang menyatakan perjuangan UMNO sememangnya sesuai dan berpatutan dalam meningkatkan lagi kepentingan agama dan bangsa. Hal ini sememangnya dijustifikasi bahawa ianya adalah benar dan memberi kesan positif sekiranya ia dilaksanakan. Perkara ini bersesuaian dengan leksikal 'amalan terbuka masih relevan' yang menunjukkan pelaksanaan amalan tersebut adalah sesuatu yang wajar dan memberi banyak manfaat dalam kehidupan bermasyarakat.

Dalam ayat 6 pula, frasa *'...mengelakkan generasi akan datang dangkal tentang kemaslahatan rumah terbuka..'* dapat menggambarkan penghasilan inventori KBAT 'manfaat kehidupan'. Bukti dalam korpus bahasa telah diperkukuh menerusi ayat:

'...sebagaimana hadis di atas dan pengajarannya disesuaikan dengan kemaslahatan (keperluan) umat semasa...' (Muhammad Shabri Abd Majid. *Zakat Fitrah untuk sejahteraan ekonomi umat. Agama, 2002*)

Dalam ayat di atas, dapat dilihat bahawa leksikal 'kemaslahatan' dapat diseusikan dengan elemen keperluan sesuatu perkara dalam. Konteks ayat tersebut menggambarkan bahawa pengajaran hadis disesuaikan selaras dengan keperluan umat Islam. Hal ini bersesuaian dengan konteks kemaslahatan dalam ayat 6 yang merujuk kepada amalan rumah terbuka perlu diberi penekanan dalam kalangan generasi akan datang supaya mereka sedar akan keperluannya dalam kehidupan sejagat selaras memberi manfaat yang banyak dalam realiti kehidupan semasa.

Dalam ayat 7 pula, frasa *'...membuka minda mereka...'* jelas dikonseptualisasikan menerusi inventori KBAT 'jangkauan masa depan' yang menunjukkan bahawa 'membuka minda' lebih diertikan sebagai suatu tindakan yang boleh memberi kesedaran secara interpersonal dalam diri seseorang dalam menghayati kepentingan sesuatu amalan atau perkara. Hal ini jelas dibuktikan menerusi bukti korpus bahasa DBP yang dilihat menerusi ayat:

'...kita hanya menyampai dan Allah akan membuka hati seseorang jika Dia menghendaknya...' (Jabary. *Perbeaan agama bukan halangan berbuat ihsan. Agama, 2001*)

Dalam ayat tersebut, frasa *'membuka hati'* digunakan untuk menggambarkan peluang kesedaran yang akan diperoleh jika seseorang diberi pendedahan terhadap sesuatu perkara dalam kehidupan. Hal ini selaras diperkukuhkan menerusi leksikal *'membuka'* di mana ianya merujuk kepada satu peluang yang mungkin akan diperoleh seseorang untuk merealisasikan perkara tersebut pada masa akan datang. Muhaya Muhammad (2018) ada menyatakan bahawa *'Bilik minda'* adalah satu imaginasi minda, yang boleh dimiliki oleh setiap individu dengan cara, pejamkan mata dan bayangkan satu bilik yang kita sangat suka, tenang serta membahagiakan, dan orang lain tidak nampak apa-apa yang kita bayangkan. Hal ini selaras dengan konsep leksikal yang dinyatakan bahawa *'membuka minda'* adalah satu bayangan terhadap jangkauan masa hadapan yang dikonsepsikan dalam minda seseorang. Dengan ini, kita dapat rumuskan bahawa konsep rumah terbuka dapat membuka minda seseorang individu terhadap kepentingannya.

Seterusnya dalam ayat 8, frasa *'...realiti, rumah terbuka banyak memberi manfaat...'* diterjemahkan menerusi inventori KBAT *'kehidupan yang nyata'*. Dalam frasa tersebut, *'realiti'* menggambarkan kenyataan benar yang berlaku dalam kehidupan seseorang individu. Bukti korpus menunjukkan *'realiti'* dimaksudkan sebagai lumrah kehidupan yang perlu dialami oleh setiap manusia menerusi ayat:

'...Islam memang agama yang hidup dan bergaul dengan realiti kehidupan, bukan sekadar berlandaskan teori dan nilai semata-mata...' (Raja Yusoff Ariffin. *Cara terbaik guna masa mengikut kehendak Islam*)

Dalam ayat di atas, dapat kita lihat bahawa konteks agama berkait dengan realiti kehidupan yang nyata diperkukuhkan menerusi leksikal *'hidup dan bergaul'* di mana penulis menggambarkan kehidupan seseorang menerusi realiti yang dilalui oleh individu tersebut. Hal ini berkait dengan konteks rumah terbuka, di mana ianya juga merupakan satu realiti yang perlu dilalui dalam kehidupan bermasyarakat secara tidak langsung. Dengan ini, jelaslah bahawa amalan rumah terbuka merupakan suatu kewajipan dalam kehidupan seseorang dalam konteks budaya dan masyarakat di negara kita.

Seterusnya dalam ayat 9 pula, frasa *'...apakah kepentingan yang dapat kita manfaatkan...'* menunjukkan penghasilan inventori KBAT *'respons terbuka'* yang dapat kita sampaikan menerusi persoalan yang wujud. Bukti korpus dapat dilihat menerusi ayat:

'...persoalannya, adakah teks merupakan satu-satunya punca...' (Kanaga Saba Venugopal. *Pengubalan kurikulum baru sastera perlu lebih telus. Sastera dan Budaya, 1999*)

Dalam ayat tersebut, terdapat elemen persoalan yang diwujudkan bagi memberikan pendapat kita. Penulis mengemukakan persoalan secara terbuka bagi mendapatkan idea daripada pihak yang terlibat untuk mengukuhkan lagi pernyataan yang dikemukakan. Secara keseluruhannya, kesemua inventori KBAT yang dikenal pasti menerusi analisis pemetaan metafora konsepsi dalam sampel pendahuluan 2 dapat dirumuskan bahawa *'Rumah Terbuka adalah Pengalaman Kendiri.'* Hal ini jelas menunjukkan bahawa idea yang dikonsepsikan dalam sampel pendahuluan lebih berteraskan kepada metafora struktural yang lebih menggambarkan pengalaman hidup manusia sebagai sumber untuk kita memahami suatu konsep yang lain.

Jadual 3. Pemetaan metafora konsepsi sampel pendahuluan 3

| AYAT | INVENTORI KBAT | INTI AYAT |
|------|----------------------|---|
| 1 | Budaya Masyarakat | Dalam meniti kehidupan marcapada, amalan rumah terbuka sudah menjadi lumrah setiap kali sambutan perayaan diadakan di negara ini termasuk Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Tahun Baru Cina dan Hari Krismas. |
| 2 | Tanggungjawab sosial | Perayaan seperti ini tidak lengkap jika tiada rumah terbuka sehingga pelbagai lapisan masyarakat cakna tentang masalah amalan rumah terbuka. |
| 3 | Realiti Nyata | Negara kita mempunyai enam perayaan kaum dan dianggap sebagai perayaan yang signifikan. |
| 4 | Keperluan Intrinsik | Masyarakat seyogianya mengambil berat tentang sambutan rumah terbuka yang diadakan setiap kali perayaan. |
| 5 | Pengetahuan sendiri | Terdapat banyak kebaikan mengadakan rumah terbuka. |
| 6 | Elemen Kemakmuran | Oleh hal demikian, hal ini pasti akan mewujudkan masyarakat yang hidup dalam keadaan aman dan harmoni seperti kata pepatah ' bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat'. |

Berdasarkan kepada sampel pendahuluan 3, sebanyak 6 inventori telah dikenal pasti menerusi pemetaan metafora konsepsi yang diterjemahkan dalam bentuk jadual di atas. Dalam ayat 1, frasa '*...amalan rumah terbuka sudah menjadi lumrah setiap kali perayaan diadakan ...*' telah dikonsepsikan menerusi inventori KBAT 'budaya masyarakat' yang lebih merujuk kepada budaya dan tradisi telah menjadi kebiasaan dalam amalan kehidupan bermasyarakat di negara kita. Bukti korpus dapat ditunjukkan menerusi ayat:

'...sudah menjadi lumrah setiap kali menjelang perayaan dan Aidilfitri yang menjelang...' (Misiah Taib. *Harga ayam: Pengguna, peniaga perlu kerjasama. Ekonomi, 1999*)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa '*lumrah*' boleh digunakan untuk menggambarkan situasi umum yang berkemungkinan dihadapi oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa apabila menjelang musim perayaan. Hal ini diperkukuhkan menerusi leksikal '*setiap kali*' yang menggambarkan rutin masyarakat sewaktu perayaan. Leksikal ini bersesuaian dengan konteks budaya dan masyarakat yang digambarkan dalam ayat 1, menyatakan bahawa amalan rumah terbuka juga menjadi kebiasaan dalam kehidupan masyarakat majmuk di negara kita.

Dalam ayat 2, frasa '*...lapisan masyarakat cakna tentang masalah amalan rumah terbuka...*' dapat menggambarkan penghasilan inventori KBAT '*tanggungjawab*' yang sesuai digambarkan menerusi konteks perkataan '*cakna tentang kemaslahatan dalam*' frasa di atas. Situasi dalam frasa di atas jelas menunjukkan bahawa setiap orang perlu peka dan bertanggungjawab dalam mengamalkan konsep rumah terbuka. Data korpus yang diperoleh menerusi ayat:

'...supaya menuntut ilmu dan cakna terhadap soal keilmuan...' (Zulkifli Khair. *Tiada lagi umat buta huruf jika semangat iqra dihayati. Agama, 2006*)

Ayat di atas menggambarkan sifat kepekaan dan komitmen yang perlu ada pada diri seseorang dalam memahami sesuatu perkara. Hal ini jelas diperkukuhkan menerusi leksikal '*cakna terhadap soal keilmuan*' di mana penulis menegaskan bahawa penuntut ilmu perlu menghayati setiap perkara yang dipelajari. Situasi ini jelas menggambarkan nilai tanggungjawab dalam yang perlu ada dalam diri setiap individu apabila melakukan sesuatu perkara sepertimana yang dijelaskan dalam ayat 2 bahawa setiap lapisan masyarakat perlu menyedari kepentingan amalan rumah terbuka yang menjadi identiti sesebuah kaum.

Seterusnya dalam ayat 3 pula, frasa '*...perayaan yang signifikan...*' dapat diterjemahkan sebagai '*realiti nyata*' dalam inventori KBAT yang dihasilkan. Signifikan lebih mudah disesuaikan dengan sesuatu yang penting ataupun kehendak yang nyata dalam kehidupan realiti manusia. Data dalam bukti korpus yang dilihat menerusi ayat:

'...banyak peristiwa yang signifikan berlaku sepanjang hayat...' (Amila Salleh; Nila keumala. *Perkembangan Kerjaya Wanita: Satu Analisis Biografi. Sosiologi, 2013*)

Ayat di atas menunjukkan bahawa 'signifikan' juga dikaitkan dengan sesuatu yang menjadi keutamaan ataupun kepentingan dalam kehidupan seseorang. Sesuatu peristiwa atau pengalaman dalam kehidupan manusia boleh menjadi signifikan dalam kelangsungan hidup seseorang. Hal ini bersesuaian dengan konteks 'realiti nyata' di mana amalan rumah terbuka akan menjadi keutamaan dalam perayaan sesebuah kaum di negara kita. Dengan ini, kita dapat buktikan bahawa leksikal 'signifikan' berkait dengan identiti sesuatu perkara ataupun peristiwa dalam sesebuah konteks masyarakat.

Dalam ayat 4 pula, frasa '*...masyarakat seyogianya mengambil berat tentang sambutan rumah terbuka...*' dapat dibuktikan menerusi penghasilan inventori KBAT 'keperluan intrinsik' di mana '*mengambil berat*' dalam frasa di atas menunjukkan bahawa adanya keperluan intrinsik dalam diri setiap individu bagi merealisasikan sambutan rumah terbuka. Bukti data korpus dapat dilihat menerusi ayat:

'...kesal kerana kerajaan tidak mengambil kira masalah pemandu teks...' (Aminuddin Ibrahim. *Derita cari penumpang. Mutakhir, 1996*)

Dalam ayat di atas, leksikal 'mengambil kira' juga dikaitkan dengan keprihatinan yang perlu ada dalam diri setiap pihak yang terlibat dalam mengatasi atau menyelesaikan sesuatu masalah. Hal ini juga bersesuaian dengan konteks dalam ayat 4 yang menunjukkan bahawa setiap golongan perlu mengambil berat terhadap kepentingan amalan rumah terbuka dalam konteks agama dan bangsa. Sifat tersebut perlu wujud secara dalaman dalam diri setiap individu tentang keperluan mengadakan rumah terbuka supaya amalan tersebut tidak dilupakan secara sepenuhnya.

Dalam ayat 5, frasa '*...terdapat banyak kebaikan mengadakan rumah terbuka...*' dapat menghasilkan inventori KBAT '*pengetahuan sendiri*' yang menunjukkan bahawa pelajar sememangnya mempunyai pengetahuan yang asas terhadap kepentingan mengadakan rumah terbuka. Bukti data korpus juga dilihat dalam ayat:

'...beliau menyatakan bahawa terdapat empat kemungkinan utama untuk masa depan...' (R.S. Milne dan Diana K.Mauzy. *Politik Dan Kerajaan Di Malaysia, 1982*)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa pengalaman asas yang sedia ada membolehkan seseorang untuk memberi penjelasan umum dalam menyampaikan suatu maklumat secara umum kepada semua pihak. Hal ini jelas diperkukuhkan menerusi leksikal 'menyatakan bahawa', kerana penulis mengulas semula apa yang telah diperkatakan oleh seseorang pakar menerusi penulisannya. Menerusi konteks ini, kita dapat membuktikan bahawa pengetahuan seseorang individu terhadap manfaat mengadakan rumah terbuka dapat membolehkan mereka untuk mengamalkan tradisi tersebut dalam konteks masyarakat yang dilaluinya.

Seterusnya dalam ayat 6 pula, frasa '*...mewujudkan masyarakat yang hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni...*' menunjukkan adanya penghasilan inventori KBAT '*elemen kemakmuran*' yang dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat yang lebih bersatu-padu dan harmonis. Data daripada bukti korpus dapat dilihat dalam ayat:

'...rakyat di kawasan ini akan hidup aman dan sejahtera seperti sekarang ini...' (Hazeeq Ilyana. Kuching Bandar raya Perpaduan. Kesenian/Kebudayaan, 2015)

Ayat tersebut membuktikan bahawa leksikal aman dan sejahtera adalah berkait rapat dengan kepada kehidupan yang aman dan harmoni secara tidak langsung. Kemakmuran dalam konteks masyarakat merujuk kepada kehidupan yang lebih selesa dan maju tanpa sebarang bentuk masalah seperti kekacauan, peperangan dan sebagainya. Rakyat yang bebas daripada semua belenggu masalah ini secara tidak langsung akan dapat mewujudkan kehidupan yang lebih bersistematik. Dengan ini, mereka dapat merealisasikan amalan rumah terbuka dalam konteks budaya yang diamalkan secara turun-temurun. Secara keseluruhannya, kesemua analisis inventori KBAT yang dihasilkan menerusi pemetaan metafora konsepsi dalam sampel pendahuluan 3 di atas dapat dibuktikan bahawa Rumah Terbuka Umpama Kesejahteraan Sosial yang lebih sesuai dikonsepsikan dalam metafora jenis orientasi. Hal ini diperkukuhkan lagi menerusi pemetaan orientasi Dalam-Luar menerusi idea yang ditulis oleh pelajar dalam sampel pendahuluan 3 yang telah dianalisis.

Dalam ayat 1, pemetaan dalam-luar dilihat menerusi leksikal 'lumrah' yang dapat dikaitkan dengan norma masyarakat (luar) yang menyumbang kepada pengamalan mengadakan rumah terbuka yang dijalankan menjelang musim perayaan mengikut kaum (dalam). Seterusnya, dalam ayat 2 pula, pemetaan dalam-luar dapat dilihat menerusi leksikal 'masalah rumah terbuka' (dalam), iaitu berkait dengan pengalaman awal seseorang tentang kepentingan mengadakan rumah terbuka pendedahan awal tentang konsep rumah terbuka yang dikaitkan dengan konteks pelbagai lapisan masyarakat di negara kita (luar). Dalam ayat 3 pula, konteks (luar) dapat dilihat dalam konsep 'perayaan' kerana melibatkan identiti sesebuah kaum manakala leksikal 'signifikan' (dalam) pula merujuk kepada keutamaan yang diberikan berdasarkan kepada pandangan seseorang individu terhadap konteks rumah terbuka. Pemetaan orientasi dalam-luar juga dapat dilihat dalam ayat 4 menerusi leksikal mengambil berat (dalam) kerana berkait dengan nilai tanggungjawab yang perlu ada dalam diri seseorang individu dalam menyedari kepentingan mengadakan rumah terbuka (luar) kerana melibatkan konteks masyarakat yang berbilang kaum. Dalam ayat 5 pula, leksikal 'banyak' kebaikan dilihat sebagai konteks luar kerana bersifat umum dan tidak spesifik kepada sesebuah perkara manakala konsep rumah terbuka pula dilihat sebagai konteks (dalam) kerana melibatkan agenda perayaan mengikut setiap kaum yang berbeza. Seterusnya, konsep pemetaan orientasi dalam-luar dapat dilihat menerusi leksikal 'masyarakat' (luar) kerana melibatkan konteks secara umum dan bertumpukan kepada gaya hidup masyarakat yang aman dan harmoni (dalam) kerana bersifat spesifik dan hanya menuju kepada satu manfaat sahaja.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis yang dilakukan menerusi jadual pemetaan metafora konsepsi dapat berjaya menghasilkan inventori KBAT yang sesuai dengan konteks ayat dalam sampel pendahuluan karangan pelajar yang telah dikaji. Sebanyak tiga jenis metafora konsepsi telah berjaya dikenal pasti menerusi keseluruhan analisis tersebut iaitu metafora ontologi, metafora orientasi dan metafora struktural. Setiap sampel pendahuluan adalah tergolong dalam jenis metafora konsepsi yang berbeza mengikut makna tersirat dalam konteks leksikal yang dihasilkan. Dengan ini, kita dapat menyimpulkan bahawa setiap pendahuluan yang dihasilkan dalam sesebuah karangan, khususnya karangan jenis perbincangan sememangnya mempunyai elemen KBAT yang sewajarnya dapat dikonsepsikan menerusi Teori Metafora Konsepsi (TMK). Analisis inventori KBAT yang dicapai dapat menjadi landasan kepada hubungan antara konteks pendidikan dan bidang semantik secara tidak langsung. Kajian ini juga dapat meneliti analisis dari aspek semantik kognitif, di mana idea dalam penulisan bahagian pendahuluan karangan mempunyai kepelbagaian makna leksikal yang berkait rapat dengan konteks kognitif pelajar.

RUJUKAN

- Aminudin Basir & Radzi Othman. (2006). Konsep Al-Sunah Menurut Ahli Hadith. *Jurnal Pengajian Umum*. Dicapai pada 3 Julai 2019 daripada http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_07_2006/aminudin_et.al_2006.pdf
- Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin (2017). *Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab – Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Beyer, B. K. (1988). *Developing A Thinking Skills Program*. Boston, Mass: Allyn & Bacon.
- Kovocses, Z. (2010). *Metaphor: Apractical Introduction*. (2nd Ed). New York: Oxford University Press.
- Kozlow & Bellamy. (2004). *Experimental Study on the Impact of the 6+1 Trait Writing Model on Student Achievement in Writing*. Dicapai pada 5 Jun 2019, daripada https://educationnorthwest.org/sites/default/files/resources/Student_Achievement_in_Writing.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di Sekolah*. Dicapai pada 1 Julai 2019 daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/menumedia/media-cetak/penerbitan/kbat/1336-kemahiran-berfikir-aras-tinggi-aplikasi-di-sekolah-2014/file>
- Lakoff, G. 1993. *The Contemporary Theory of Metaphor*. Dalam Andrew, O. (penyunting) *Metaphor and thought*, hlm. 202-251. Cambridge: Cambridge University Press.
- Muhaya Muhammad (2018). *Berfikir Sebagai Satu Terapi*. Utusan Online. Dicapai pada 3 Julai 2019 daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/berfikir-sebagai-satu-terapi-1.598535>
- Newmann, F. M. (1990). "Higher Order Thinking In Teaching Social Studies: A Rationale for The Assessment of Classroom Thoughtfulness. *Journal of Curriculum Studies*. 22. 41-56.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin, Zaharani Ahmad. (2012). *Peluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif*. Dicapai pada 5 Julai 2019 daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/621>
- Rajendran Nagappan. (2014). *Kemahiran berfikir*. Dicapai pada 25 Jun 2019 daripada <http://www.slideboom.com/presentations/145402/KEMAHIRAN-BERFIKIR-ARASINGGI-%28KBAT%29-DANKEMAHIRAN-BERFIKIR-ARASRENDAH-%28KBAR%29>.
- Rozaimah Rashidin. (2015). Metafora Konsepsi MARAH dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik*, 19, 029-047. Dicapai pada 12 April 2016, daripada <http://jurnal.plm.org.my/pdf>.
- Ruzanna Md.Ruslan dan Rozaimah Rashidin. (2014). Skema Imej dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi. *Jurnal Linguistik*, 18, 010-024. Dicapai pada 20 April 2016, daripada <http://www.plm.org.my/pdf>.
- Suwardi Endraswara. (2006), *Konsep & Teori Budaya*. Dicapai pada 3 Julai 2019 daripada http://studentsrepo.um.edu.my/6124/2/BAB_DUA_KONSEP.pdf